# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 46 | RABU 15HB. NOBEMBER, 1978. | رابو 14 ذوالحجة 1398 | PERCHUMA


## D.Y.M.M. BERSEMBAHYANG RAYA HAJI BERSAMA RAAYAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini untok menunaikan sembahyang Hari Raya Haji pada pagi Sabtu yang baru lalu.

Sembahyang Hari Raya Haji yang telah di-adakan di-semua masjid dan surau seluroh negeri itu telah di-sambut dengan sederhana oleh umat Islam di-negeri ini.

Keberangkatan Baginda telah di-iringi juga oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Beribu2 umat Islam di-ibu negeri dan sekitar-nya telah membanjiri bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin untok menunaikan sembahyang tersebut sa-hingga hampir2 menggagalkan sembahyang mereka di-sebabkan hujan renyai2 turun sejak pagi2 lagi, bagaimana pun umat Islam terpaksa berjemaah di-luar masjid sa-baik2 sahaja hujan berhenti apabila sembahyang hendak di-mulakan kira2 jam 7.30 pagi.

Di-samping itu penduduk2 di-Kampong Bunut di-Jalan Tutong telah mengorbankan 11 ekor lembu sempena menyambut Hari Raya Haji tahun ini. Pengorbanan tersebut telah di-lakukan sejak beberapa tahun kebelakangan.

Sementara di-Kampong Perpindahan Berakas beratus2 orang pendudok telah berhimpun di-Masjid Sufri Bolkiah untok menyambut Hari Raya Haji yang di-anjorkan oleh jawatankuasa masjid berkenaan. Satu cheramah khas telah di-sampaikan oleh sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ketika di-kerumuni dan di-ziarahi oleh umat Islam yang membanjiri perkarangan Masjid Omar Ali Saifuddin sa-baik2 sahaja Baginda beredar untok menaiki kenderaan sa-telah sempurna menunaikan sembahyang Hari Raya Haji.

## D.Y.M.M. RAJA ISTERI DI-MAJLIS K-KOR'AN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha binte Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohd Alam yang di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Puteri2 Diraja telah berangkat ka-Majlis Khatamal Kor'an bagi 24 orang penuntut perempuan tahun akhir Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Batu 1½, Jalan Tutong pada pagi Ahad yang baru lalu.

Keberangkatan Baginda Raja Isteri serta rombongan telah di-sambut dengan pukolan hadhrah oleh kumpolan hadhrah penuntut2 perempuan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang bertempat di-dewan besar maktab tersebut.

Sa-lepas keberangkatan Baginda penuntut2 yang di-khatamkan telah berarak masok ka-dewan yang juga di-iringi oleh pukolan hadhrah dan berbagai iringan istiadat majlis dengan mana penuntut2 berkenaan telah menjunjong ziarah kapada Baginda serta kerabat Diraja sabelum mengambil tempat dudok masing2.

Dalam achara yang bermula pada jam 10.00 pagi itu majlis telah di-mulakan dengan bachaan Fatihah yang di-ketuai oleh Yang Mulia Datin Hajjah Kamaliah bte Hj Muhammad Fadhlullah Suhaimi. Kemudian sa-telah selesai membacha surah2 oleh penuntut2 yang di-khatamkan bachaan penyambut takhtim pula di-bawakan oleh penuntut2 perempuan maktab berkenaan yang di-ketuai oleh Dk Saadiah bte Pg Haji Tuah dan sa-terus-nya bachaan do'a takhtim yang di-sampaikan oleh Dayang Seniah bte Tengah.

Sa-telah selesai bachaan penyambut dan do'a takhtim penuntut2 perempuan Maktab Perguruan Ugama sekali lagi telah membawakan Zikir Ashrakal dalam mana apabila sampai 'Ya Habibi' Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah di-junjong oleh Yang Mulia Pengiran Hajjah Salmah bte Pg Ismail untok memulakan mengambori beras kunyit yang sa-terus-nya di-ikuti oleh Puteri2 Diraja.

Majlis di-akhiri dengan bachaan do'a selamat yang di-sampaikan oleh YM Da-

Lihat muka 16

## Tubohkan Kelas TADIKA Tutong

TUTONG. — Sa-buah jawatankuasa kerja bagi penubohan sa-buah sekolah persendirian yang menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Inggeris telah di-bentok baru2 ini dengan di-pengerusikan oleh Awang Haji Yahya bin Haji Harris, Pegawai Daerah Tutong.

Jawatankuasa tersebut yang terdiri dari sembilan orang telah juga melantek Yang Dimuliakan Pehin Datu Hiramau-padang Mejor Dato Haji Husin bin Ahmad selaku Setia Usaha dan tujoh orang ahli jawatkuasa yang terdiri dari; Haji Hanafi bin Md Daud, Awang Thani bin Abd Hamid, Awang Haji Abdullah bin Pehin Datu Pahlawan Haji Abu Bakar, Awang Mohd Taha bin Rauf, Awang Tang Chok Su, Awang Abd Aziz bin Abd Latif dan Awang Abd Jalil bin Abd Latif.

Satu makloman yang di-keluarkan oleh YDM Pehin Datu Harimau-padang Mejor Dato Haji Husin, Setia Usaha jawatankuasa berkenaan berkata bahawa sekolah yang di-chadangkan itu di-jangka akan di-mulakan pada awal tahun 1979.

Sekolah itu akan menyediakan kelas dalam bahagian rendah sa-banyak empat kelas dan bahagian tadika sa-banyak tiga kelas.

Kelas bahagian rendah akan di-ajarkan dari kelas rendah satu membawa ka-kelas rendah empat manakala bahagian tadika pula akan di-ajarkan dalam tadika satu dan dua.

Di-samping itu kanak2 yang akan mengikuti kelas2 tersebut akan juga di-ajarkan kelas2 pelajaran Ugama Islam dan bahasa Melayu.

Menurut makloman dari Setia Usaha jawatankuasa itu lagi kelas2 itu di-buka ada-lah sa-bagai menyedari betapa di-daerah tersebut maseh belum mempunyai kelas2 demikian saperti mana ia-nya sudah di-adakan di-daerah2 lain di-negeri ini.

Di-samping itu kerana terdapat-nya ibu-bapa dari daerah itu yang terpaksa berulang alik menghantar anak2 mereka ka-kelas saperti itu terutama ka-Bandar Seri Begawan, maka ada-lah di-sedari kelas saperti itu perlu di-adakan bagi merengankan urusan ibu-bapa yang di-maksudkan.

YDM Pehin Datu Harimau-padang Mejor Dato Haji Husin juga berharap supaya ibu-

Lihat muka 16




TUAN Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, yang baru, Awang Arthur Watson, telah memulakan tugas rasmi-nya, minggu lalu. Awang Watson yang telah di-umomkan oleh Pejabat Luar British untok menggantikan Awang James Davidson, yang telah menamatkan perkhidmatan-nya sa-bagai Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei dalam bulan Oktober yang lalu. Awang James Davidson kini telah di-lantek sa-bagai Gabenor di-Kepulauan Virgin, di-Caribbean.

Ketibaan Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei yang baru itu telah di-sambut oleh Penasehat Umom Kebawah DYMM Sultan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; Pemerentah Pasokan AMDB, Brigadier Norman Robert; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman dan Peguam Negara, YB Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin. (Gambar atas).

HARI Raya Haji atau pun di-kenali juga dengan nama Hari Raya Korban telah sama2 kita sambut pada hari Sabtu lepas dan hikmat daripada-nya memang tidak dapat di-nafikan, bahkan sudah tentu menjadi harapan bagi kita Umat Islam yang setia dan taat menjunjong ajaran2 Allah bahawa segala ajaran2 dari peristewa2 korban yang ada di-dalam-nya akan di-jadikan tulang-belakang atau sandaran dalam melaksanakan kehidupan yang di-redhai oleh Allah.

Tentu-nya kita, sa-bagai orang2 Islam yang tekun mengikuti peristewa2 yang di-riwayatkan berhubong dengan ketaatan Nabi Allah Ibrahim a.s. bersedia menurut titah-perentah Allah untok mengorbankan anak-nya Nabi Allah Ismail a.s. menyedari hakikat di-sebalek peristewa tersebut dalam mana gambaran2 begitu jelas betapa orang2 yang taat kapada titah-perentah Allah itu mendapat kemuliaan dan kesejahteraan dunia dan akhirat dan Allah akan sentiasa bersama2-nya untok melindongi-nya dari perkara2 yang mungkar, jauh sekali hendak menyekutukan Allah dengan yang lain.

Kekuasaan Allah bukan saja sa-takat yang terdapat dalam riwayat2 Hari Raya Korban, bahkan dalam riwayat2 yang lain yang tidak terkira banyak-nya saperti yang dapat kita fahami dari kandongan Kitab Suchi Al-Kor'an. Semua-nya ada-lah memberikan petunjok2 dan ajaran2 kapada kita orang2 Islam. Dalam mengikuti dan menerima semua itu, sunggohpun ia-nya sering di-tekankan supaya ia-nya di-ambil sa-bagai bahan "renongan" dan di-jadikan sa-bagai "iktibar" dalam menerajukan hidup kita di-bumi Allah ini, tetapi "renongan" dan "iktibar" itu bukan-lah merupakan perkara2 atau benda2 yang mati dan kaku, bahkan ia-nya ada-lah bergerak kalau memang mahu di-gerakkan dan juga boleh "kaku" dan "mati" kalau ia mahu di-mati dan di-kakukan.

Di-sini chukop nyata bahawa perkara2 panduan hidup yang sempurna dan lengkap yang di-gariskan oleh riwayat2 sa-umpama itu terserah kapada kita untok memileh dan mengamalkan-nya. Sa-sunggoh-nya dari penekanan tentang ilmu2 kemanusiaan yang menunjolkan kebebasan dalam semua segi itu memang tidak di-nafikan, kerana manusia ada-lah makhlok yang lengkap terutama dari segi penggunaan 'akal dan fikiran. Akan tetapi, dari semua segi, manusia ada-lah menchitakan kesempurnaan dan kesentosaan hidup lahiriah dan bathiniah. Dan untok ini manusia berjuang untok mendapatkan segala yang mereka mahukan demi menchapai darjah hidup yang di-chita2kan itu. Dalam melaksanakan semua chita2 ini-lah letak-nya kegunaan "renongan" dan "iktibar" yang sering di-ketengahkan itu, kerana sasunggoh-nya ia-nya ada-lah merupakan "perinchian" dan tali daching yang boleh di-sasar2 menurut perimbangan berat dan ringan-nya yang kita pertimbangkan dari apa yang kita renongkan dan dari apa yang kita ambil sa-bagai "iktibar" itu. Di-sini-lah juga letak-nya peranan neracha yang menghalakan ka-arah mana yang hendak kita tuju, dan 'akal dan fikiran kita mengambil peranan sa-bagai hakim yang memutuskan langkah2 yang akan di-ambil.

Arguments2 yang di-bentangkan di-atas hanya-

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

15HB NOBEMBER, 1978

## NERACHA ALLAH

lah bertujuan untok menjelaskan fungsi2 yang menjadi hasrat dan matalamat pada uchapan2, cheramah2 atau pun kata-bual2 yang berhubong dengan keugamaan dan juga kehidupan yang di-suroh oleh Allah dan kenapa dan sebab-musabab-nya tentang apa yang di-tegah oleh Allah dari kita mendekatinya. Sa-sunggoh-nya, jika kita mahu mempelajari lebeh mendalam dan sunggoh2 mengapa Allah menegah itu dan ini, maka memang chukop jelas bahawa ganjaran yang kita terima dari melakukan perkara2 yang di-tegah oleh Allah itu hanya-lah perkara2 yang memudharatkan. Dan, kalau ia dipertahankan sa-bagai HASIL sa-telah kita BERUSAHA, maka nyata-lah yang hasil2 itu bukan dalam bentok yang di-redhai oleh Allah. Sebab, kalau HASIL dari USAHA kita itu memang menurut jalan dan yang di-galakkan oleh ugama kita (Islam) serta tidak terkeluar dari sunnah Rasulullah, masakan Allah memungkiri dari meredhai-nya. Justeru itu, kalau MUDHARAT jua yang kita terima dari hasil usaha kita itu, chuba2-lah renongkan terhadap tindak-tandok yang pernah kita perbuat itu, apa-kah memang ia di-suroh atau di-tegah? Jika hasil usaha yang kita dapati itu pada pendapat kita halal dari segi pandangan kasar, tetapi sama ada kita sedar atau tidak, ia tersangkut kapada yang tidak di-suroh oleh Allah, saperti menyebabkan orang terfitnah, termakan titek-peloh orang, terusik sedikit unsor2 rasuah, merusikkan hati orang yang menyebabkan dalam diam2 orang menyumpah maka neracha Allah jua yang maha adil.

Kita sekarang berada dalam suasana "dakwah Islamiah" dan memang wajar bagi kita merafakkan keshukoran betapa Umat Islam di-negeri kita ini giat mendekatkan diri kapada hal-ehwal keugamaan. Dalam suasana ini-lah kita tidak harus menerima keadaan itu dengan keshukoran yang mendatar, kerana dari riwayat2 juga kita dapat belajar betapa musoh2 tetap terus merayap dan sukar untok dinafikan juga kemungkinan ada-nya kepura-puraan demi kepentingan matalamat hidup. Namun demikian, kita tetap yakin bahawa neracha Allah jua yang maha adil. Neracha Allah tidak mengira siapa dan hukuman Allah tidak dapat di-elak dan tidak dapat di-loyar2. Allah tetap bersama2 dengan orang2 yang di-redhai-Nya.



KELIHATAN Pengiran Mohammad yang bertugas di-Bilek Taklimat Bahagian Penerangan sedang menerangkan sesuatu kapada pelawat2 dari Pejabat Kehutanan.

## SEMINAR EMPAT HARI UNTOK KETUA2 PEJABAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan akan mengendalikan satu seminar mengenai pengurusan Kerajaan bermula dari hari Ithnin 20hb hingga 23hb Nobember 1978. Seminar 4 hari itu akan diadakan di-Pusat Latehan Jabatan itu dan akan dihadhiri oleh 20 orang Ketua2 dan Timbalan Ketua2 Pejabat, Jabatan2 Kerajaan.

Seminar ini akan mengandongi prinsip2 analisa masaalah, membuat keputusan dan analisa masa'alah yang mungkin berlaku berasaskan konsep yang dichiptakan oleh Doktor2 Charles Kepner dan Ben Tregoe kedua2-nya pernah menjadi pegawai2 di-RAND Corporation di-Amerika Sharikat. Ketua Seminar ia-lah Awang Larry Wallace, Ketua Jabatan Latehan, Sharikat Minyak Shell, Brunei.

Seminar yang julong2 kali-nya di-adakan bagi pegawai2 Kerajaan itu bertujuan atau untok menolong peserta2 seminar bagi menggunakan teknik2 didalam mengenali masaalah dan juga untok memberi rangka serta untok menchari dan menyelenggarakan maklumat2 yang di-dapati serta untok membuat tujuan2 atau pun objektif2 yang terang.

Seminar yang sama akan juga di-kendalikan dalam tahun hadapan bagi 80 orang lagi pegawai2 kanan Kerajaan yang sa-chara langsong terlibat di-dalam membuat dasar dan keputusan.

## Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehutanan lawat Bilek Taklimat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Jabatan Kehutanan telah mengadakan lawatan ka-Bilek Taklimat, Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, yang baru lalu.

Rombongan yang di-ketuai oleh Pegawai Kehutanan Daerah, Awg Md Yassin bin Ampuan Salleh itu ada-lah merupakan rombongan yang pertama kali terdiri dari pegawai dan kakitangan di-jabatan2 Kerajaan, pernah mengadakan lawatan seumpama itu ka-Bilek Taklimat tersebut sejak ia-nya di-tubohkan pada pertengahan tahun 1977, yang lalu.

Ketibaan pelawat2 itu telah di-alu2kan oleh Pegawai Pentadbir Bahagian Penerangan, Awang Zainal bin Haji Momin. Dan taklimat mengenai dengan gerakan Bilek Taklimat itu telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Pengiran Mohammad bin Pengiran Damit Matserudin, yang juga mengawasi bahagian tersebut (gambar atas) sedang menyampaikan penerangan2-nya.

Bilek Taklimat itu juga telah dilengkapkan dengan kegiatan, projek2 kemajuan serta pembangunan negara termasok mukim2 saperti bangunan sekolah, bekalan letrik, bekalan ayer dan lain2 lagi.

Rombongan pegawai dan kakitangan Jabatan Kehutanan itu terdiri dari: Awang Md. Yassin bin Ampuan Salleh (Ketua rombongan), Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Anak Hashim, Awang Abdul Latif bin Talib, Awang Johari bin Ismail, Awang Rosli bin Gadong, Awang Abdul Wahab bin Jalil, Dayang Asmah binte Taim dan Dayang Asiah binte Sibin.

Dalam Kursus Sivik Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang lalu, Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri, di-akhir cheramah-nya berhubongan dengan kegiatan Bahagian Penerangan, pernah menjemput Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-seluroh negeri supaya akan dapat membawa anak2 buah-nya melawat Bilek Taklimat tersebut untok mendapatkan penerangan2 berhubong dengan kegiatan, kemajuan, pembangunan serta projek perkembangan Kerajaan sa-chara lebeh dekat.

Akan tetapi sa-takat ini Pelita difahamkan, belum ada Penghulu dan Ketua2 Kampong yang mengulukan anak buah-nya melawat bilek tersebut.





MR. Watson (carrying a briefcase) accompanied by, from left to right, the Mentri Besar, the General Adviser and the First Secretary of the British High Commission, Mr. D. M. McBain, who had been Acting British High Commissioner.

# NEW HIGH COMMISSIONER ARRIVES IN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — The new British High Commissioner, Mr Arthur Watson, and his wife arrived in Brunei last week.

On hand to welcome them at the Brunei International Airport were the Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the Attorney General Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, the Acting State Secretary Dato Setia Abdul Rahman bin Dato Setia Hj Mohammad Taib and senior British High Comission officials.

The following day Mr Watson had an audience with His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah at Istana Darul Hana.

Mr Watson, 51, succeeds Mr James Davidson who has been appointed Governor of the Virgin Islands in the Caribbean.

Before arriving in Brunei, Mr Watson was Governor of the Turks and Caicos Islands in the Caribbean.

He has previously served in Uganda and Pakistan, held senior appointments in the British Foreign Office and was the British High Commissioner in Anguilla.

Mr Watson was born in Kunming in Southern China where his parents worked as missionaries for the Church Missionary Society, and was educated at St. Catherine's College, Cambridge.

He and Mrs Watson have three children — a boy and two girls.

## Mosque to be renovated

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Omar Ali Saifuddin Mosque here is to undergo a major renovation.

The work will take about six months to complete and involves repainting and repairs to the inner and outer wall, the dome and the minaret.

Costing some three quarters of a million dollars, the work will be the first on such a scale since the mosque was built twenty years ago.

## Trade school holds "Open Day"

JALAN MUARA. — The Sultan Saiful Rizal Building Trade School held its 'Open Day' here last Tuesday.

Among those taking part were the Royal Brunei Malay Regiment, the Royal Brunei Police Force, the Brunei Fire Services, Postal Services Department, the Agriculture Department, the Meteorological Section of the Civil Aviation Department and the Medical and Health Department.

The Royal Brunei Malay Regiment put up a show that included a weapons display and its band provided music.

It also took the occasion, along with the Royal Brunei Police Force, to recruit personnel.

Other attractions included films on fire fighting screened by the Fire Services Department and breast feeding promotion campaign.

Subjects taught at the school such as painting and decorating, bricklaying and concreting, carpentary and joinery and plumbing and pipefitting were also exhibited.

## Education Day launched

TUTONG. — The acting State Secretary, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohammad Taib last Sunday officially declared open this year's Education Day held at the Muda Hashim Malay Secondary School padang here.

About five hundred students, the Royal Brunei Malay Regiment and Royal Brunei Police cadets, five school bands, a hadrah group and the band of the Royal Brunei Malay Regiment took part in the opening ceremony.

Education Day, the theme of which this year is 'Education Is A National Investment', will be celebrated in all schools throughout the State during this month and December.

## L.C.C. exams

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is making arrangements for the holding of the London Chamber of Commerce examination at Higher, Intermediate and Elementary stages here in May next year.

The subjects are typewriting, accounting, shorthand, book-keeping, arithmetic, mathematic, costing and English for commerce.

The examination fees are $17.00 for a subject at Elementary Stage: $20.00 at Intermediate Stage; $24.00 at Higher Stage; English for commerce $27.00 at Higher Stage; $24.00 at Intermediate Stage; $17.00 at Elementary Stage; and Typewriting Speed Test $10.00 both at Higher and Intermediate Stages.

Candidates of any age may sit for the examinations except for the Higher Stage where candidates who are under sixteen years will not be accepted unless they have passed Intermediate Stage or its equivalent in the same subject.

Application forms are available from the Head Office of the Examinations Board here and the Anthony Abell College, Seria.

The forms must be completed and sent together with appropriate fees to reach the Head Office of the Examinations Board here not later than November 29.

## OVER 7,000 TAKE EXAMS

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than two thousand and five hundred secondary school students are currently sitting for their Brunei Cambridge General Certificate of Education examinations.

Of these, three hundred and eighteen are taking the exams at advanced level while the rest are sitting for the ordinary level.

The advanced level examinations are being held at three centres and will end on December 1.

The ordinary level examinations are being conducted at eight centres and are scheduled to end on November 30.

Meanwhile over five thousand pupils sat for the Primary Certificate of Education examination last week.

More than four thousand of the pupils were from English Preparatory Schools who took the examination in the English stream while one thousand two hundred and fifty-nine were from Malay Schools who sat for the examination in the Malay medium.

## Special unit begins next year

BANDAR SERI BEGAWAN. — Thirty-five students will have a taste of army life next year when the special unit of the Royal Brunei Malay Regiment starts operations on January 4.

The unit or the Pasokan Askar Muda as it is called was set up this year to prepare youths for an army career.

The thirty-five students were selected from nearly five hundred applicants all keen to take up the three-year course.

During the course the students will not only learn military and leadership skills but will also prepare for examinations at GCE 'O' Level.

At the end of the training those who performed well in their studies will be allowed to continue up to university level while the rest will serve the Royal Brunei Malay Regiment.

## RBMR, Gurkhas in exercise

BANDAR SERI BEGAWAN. — A major military exercise involving the Second Battalion Royal Brunei Malay Regiment and the 10th Princess Mary's Own Gurkha Rifles stationed at Seria was held in the interior parts of the Tutong and Belait districts last week.

The six-day exercise, codenamed Pandangan Dua, had the Gurkhas acting as the enemy.

Meanwhile the number of qualified local pilots in the Air Wing of the Royal Brunei Malay Regiment has grown with the addition of Lieutenant Zainal bin Harun who received his training in Singapore and Brunei as an operational pilot.

## Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei celebrated Hari Raya Haji last Saturday.

His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah and members of the Royal Family were among the thousands who performed the traditional prayers at Omar Ali Saifuddin Mosque here.

The prayers were also held in other mosques and surau throughout the State.

To mark the occasion, Saturday and Monday were declared public holidays giving government servants throughout the country a four-day weekend.

## People reminded to keep Brunei clean

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Acting Director of Medical and Health Services Dato Paduka Haji Johar bin Dato Paduka Hj Nordin has said that although the Health Week was over, the spirit to keep Brunei clean and free of diseases must continue.

Dato Dr. Johar said during Health Week people refained from dumping rubbish indiscriminately, but these people were reverting to their old habits of throwing rubbish along Jalan Mabohai Baru near here and other places.

He emphasised that all rubbish should be dumped at sites provided by the Municipal Boards.



SOME visitors to the 'Open Day' in the painting and decorating section of the exhibition.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

# oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

## Siri ke-13

TENTANGAN dan serangan2 yang hebat terus menerus di-tujukan kapada faham Qadiani yang kufur itu oleh orang2 Islam. Kerana itu, mereka pada akhir-nya terdesak mesti berdiri sendiri. Mereka tidak lagi mahu mengaku sa-bahagian dari golongan Muslimin yang asal, tetapi mendakwakan, bahawa *Islam* mereka-lah yang betul, yang berasaskan i'tikad memperchayai Mirza Ghulam Ahmad sa-bagai Nabi, Al-Masih Al-Mau'ud. Chuba perhatikan isi uchapan penganjor Qadiani yang di-siarkan dalam Surat Khabar *Al-Fadzl* keluaran 21hb Ogos, 1927 yang bertajok *Nasehat Kapada Pelajar*, Melayu-nya: *"Telah berkata Al-Masih Al-Mau'ud (maksud-nya Mirza Ghulam Ahmad) bahawa adapun Islam kaum Muslimin itu bukan-lah sa-bagaimana Islam kita (orang2 Qadiani), dan Tuhan mereka itu bukan sa-bagaimana Tuhan kita, dan haji kaum Muslimin itu bukan sa-bagaimana haji kita orang2 Qadiani. Demikian-lah kita tidak sama dengan mereka dalam semua perkara."*

Dalam *Anwar Khilafat* muka surat (89) karangan Mirza Bashiruddin Mahmood Ahmad pula menegaskan, *"bahawa Al-Masih Al-Mau'ud (Mirza Ghulam Ahmad) ada-lah melarang keras orang2 Qadiani bersembahyang di-belakang (menjadi makmum) kapada orang yang bukan Qadiani."* Menurut Mirza Ghulam Ahmad lagi, *"bahawa dia telah banyak menerima surat2 kerana bertanyakan hal ini, tetapi dia sekali2 tidak menjawab-nya kechuali mengatakan "tidak boleh! tidak boleh! tidak boleh sembahyang di-belakang orang yang bukan dari golongan Ahmadiyyin (Qadiani)."*

Muka surat (90) pula dari buku itu lebeh keras lagi bunyi-nya: *"Kewajipan kita (orang2 Qadiani) perchaya kapada Islam orang2 yang bukan golongan Ahmadiyyin dan jangan sembahyang di-belakang mereka, sebab mereka itu — di-sisi kita — ada-lah kafir, kerana mereka ingkarkan sa-orang Nabi di-antara Nabi2 Allah."* Yang di-maksudkan oleh orang Qadiani dengan sa-orang Nabi di-sini ia-lah Mirza Ghulam Ahmad.

Prinsipal Qadiani menudoh orang lain yang tidak sa-aliran atau sa-faham dengan-nya sa-bagai kafir, dengan tujuan supaya fikiran orang2 Islam sendiri menjadi kachau-bilau dan berbelah bahagi. Kerana itu, tektik Qadiani ini berjalan di-dalam, bukan di-luar. Mereka bersembunyi di-sebalek semboyan *Ugama Yang Benar*, dan kerana itu menurut pengarang buku *Al-Harakat Al-Haddamah Al-Qadianiah*, gerakan2 Qadiani ini sangat2 merbahaya kapada beribu2 orang Islam yang lemah iman-nya. Ini dari satu segi, dan dari segi yang lain, faham Qadiani juga menimbulkan masaalah kemasharakatan yang dahshat, yang boleh memisahkan sa-orang suami dengan isteri-nya, atau sa-orang bapa dengan anak-nya, dan juga boleh menjadikan dua orang yang bersaudara bermusohan di-antara satu sama lain (lihat muka surat 68 dari buku ini).

Perlu di-ambil perhatian, bahawa menilai ajaran Qadiani bukan sahaja dari segi 'akidah, bahkan ada motif lain dari segi siasah juga. Kerana itu-lah Ulama2 dan tokoh2 masharakat Islam yang memerhatikan sa-chara yang lebeh dekat dan mendalam, dapat menyingkap-nya dan mendedahkan kepalsuan2 ugama sesat ini. Di-antara bokti ada-nya motif2 politik dalam Qadianism itu, ia-lah bilamana Nabi palsu ini, yakni Mirza Ghulam Ahmad menulis dalam *Tabligh Al-Risalah* juz 7 muka surat (10) yang di-chetak di-Qadian dalam tahun 1922, yang antara lain bunyi-nya—dalam bahasa Melayu: *"Bahawa ada-lah suatu pekerjaan penting untok ku lakukan dengan lisan dan pena-ku, ia-lah berusaha menjadikan hati orang2 Islam supaya suka dan ikhlas dan tundok kapada kerajaan Inggeris, dan untok melenyapkan dari jiwa mereka yang bodoh akan perasaan waswas, saperti ingin menentang-nya dan lain2 lagi . . ."* Yang di-maksudkan dengan kerajaan Inggeris di-sini ia-lah (mungkin) kerajaan India yang berada di-dalam tangan British pada masa itu.

Dalam akhbar *Al-Fadzl* keluaran 3hb Mach, 1925, Mirza Ghulam Ahmad menulis pula — Melayunya: *"Sesunggoh-nya aku, walaupun aku telah pergi ka-Russia untok mengembangkan dakwah Ahmadiah (Qadianism), tetapi oleh kerana kepentingan kaum Qadiani dan kerajaan Inggeris itu ada-lah satu, maka sa-tiap aku mengajak orang menyertai kumpolan-ku, aku berfikir bahawa ada-lah menjadi kewajipan-ku juga untok sama2 berkhidmat kapada kerajaan Inggeris."*

Banyak lagi ungkapan2 pemimpin Qadiani ini yang berbau politik, yang rasa-nya tidak payah-lah saya panjang2kan.

Sekarang untok lebeh menjelaskan kedudokan ugama sesat ini, kita singkap di-sini latarbelakang Mirza Ghulam Ahmad yang sa-benar-nya, asal-usol-nya, di-mana di-peranakkan dan juga gerakan2-nya sa-hingga ia mendakwa diri-nya jadi Nabi.

Menurut buku *Al-Harakat Al-Haddamah Al-Qadianiah* karangan tiga orang Ulama yang terkemuka, bahawa keturunan Mirza Ghulam Ahmad Al-Qadiani ini berasal dari Samarqan, kemudian berpindah ka-*India* dan menetap di-kampong *Qadian*. Mereka telah menjadi ketua di-sini. Tetapi kemudian-nya mereka berkeliling ka-tempat2 yang lain di-berbagai2 daerah, sa-hingga terjadi-lah ka-atas mereka berbagai benchana yang membawa mereka kehilangan kekuasaan dan harta benda. Berkata Mirza Ghulam Ahmad: *"Allah telah mengembalikan kapada bapa ku kemudian-nya sa-tengah daripada kampong2 (yang telah hilang itu) di-dalam masa pemerentahan Inggeris."*

Mirza Ghulam Ahmad telah di-lahirkan dalam tahun 1852. Manakala umor-nya sampai untok bersekolah, lalu di-ajarkan kapada-nya pelajaran membacha Kitab Suchi Al-Kor'an dan kitab2 Parsi. Masok umor-nya 10 tahun pula, di-ajarkan bahasa Arab. Dan manakala umor-nya 17 tahun, ia berhubong rapat dengan guru-nya dan dari guru itu-lah ia belajar berbagai ilmu saperti ilmu Nahu, Mantheq dan Filsafat. Dia juga bertindak membachakan buku2 kedoktoran kapada bapa-nya. Sementara ilmu2 ugama, ia tidak pernah berguru kapada sesiapapun, melainkan hanya kechenderongan-nya sendiri sahaja.

(Bersambong)





**KELIHATAN** gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin ketika di-ziarahi oleh umat Islam sa-baik2 sahaja selesai menunaikan sembahyang Hari Raya Haji di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagi Sabtu yang baru lalu.

Duli Yang Teramat Mulia itu ada-lah di-antara para jemaah dan kerabat Diraja yang sama2 menunaikan sembahyang tersebut, manakala gambar bawah sa-bahagian dari para jemaah sedang khusok bersila dan menchari tempat untok menunaikan sembahyang Hari Raya Haji di-luar masjid sa-telah tidak mendapat tempat di-dalam masjid. Keadaan begini sering akan kelihatan bila2 sahaja sembahyang Hari Raya di-adakan pada sa-tiap tahun.

# IBADAT HAJI MEMBIMBING UMAT ISLAM SUPAYA BERSIKAP MERENDAH DIRI

**Bingkisan minggu ini**

SEKARANG ini kita telah pun berada di-bulan Dzulhijjah, yang mana lebih terkenal di-sebut oleh orang2 kita sa-bagai 'Bulan Haji'. Ini ada-lah mengambil sempena dari Ibadat Haji yang di-lakukan oleh orang2 Muslim di-dalam bulan Dzulhijjah ini, yang mana bermula dari tanggal 9hb. Dzulhijjah hingga berakhir-nya, pada sa-tiap tahun hijrah.

Kalau Ibadat Puasa bertujuan untok melateh dan mendidek jiwa Umat Islam supaya mengekang kemahuan hawa nafsu dan maksiat, adat kebiasaan yang lazim kita lakukan pada sa-tiap hari sa-lama sa-bulan dalam masa sa-tahun itu saperti kebiasaan mengisi perut di-siang hari dan sebagai-nya. Maka Ibadat Haji juga mempunyai tujuan dan motif yang tertentu ia-itu untok membimbing perasaan Umat Islam yang melakukan ibadat tersebut supaya bersikap merendah diri dan menganggap seluroh umat manusia itu, khas-nya Umat Islam ada-lah sama rata dan sama sa-taraf demi menjalani kehidupan di-alam dunia ini. Ada pun kedudokan sa-seorang dalam hidup-nya tidak-akan melebehi sa-seorang yang lain melainkan dari sifat taqwa-nya terhadap Allah s.w.t.

Lantaran chorak hidup yang sebenar-nya, seluroh umat manusia, terutama Umat Islam yang sedang menunaikan Ibadat Haji di-gembirakan Allah dengan se-jelas2-nya sa-waktu mereka beramai-ramai di-Padang Arafah, pada hari yang ke-9 Dzulhijjah. Mereka itu ada-lah dalam keadaan sama rata dan serupa, belaka, sama ada dari segi pakaian, mau pun dari segi chorak hidup masing2. Tidak kelihatan tinggi rendah darjat hidup mereka itu. Tegas-nya, pada hari dan tempat itu tidak sa-orang pun yang dapat membezakan antara manusia2 yang berkedudokan tinggi dengan fakir miskin dan raayat jelata yang hidup menderita.

Bagi gulongan manusia yang mahu insaf sa-telah mengetahui hakikat ini, maka akan menyerap-lah suatu perasaan keinsafan yang mendalam kedalam hati dan jiwa nurani mereka. Mereka akan sedar betapa penting-nya memupok perasaan persamaan antara satu dengan yang lain. Tidak ada perbezaan antara kita sesama manusia khusus-nya Umat Islam yang hidup melata di-atas permukaan bumi ini.

Pada hari itu seluroh tamu Allah sa-bagai para Jema'ah Haji yang berada di-Padang Arafah itu harus-lah tundok dan patuh kapada sa-tiap disiplin dan peraturan2 yang telah di-tetapkan oleh Allah melalui shariat2-Nya yang suchi mulia itu.

Begini-lah chara-nya Allah s.w.t. melateh dan melentor jiwa hamba2-Nya supaya mereka itu berperasaan rendah dan tidak meninggi diri terhadap sesama manusia yang sa-jenis dengan-nya melalui Ibadat Haji yang besar hikmat-nya dari segi pergaulan hidup manusia sa-sama sendiri. Hikmat2 ini hanya dapat di-rasakan kelazatan nekmat-nya oleh gulongan Umat Islam yang telah pun di-terima Allah menjadi tetamu-Nya di-atas dataran tanah Suchi Mekah Al-Mukarramah.

Ini-lah yang di-katakan sa-bagai haji yang mabrur. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang maksud-nya kira2 *"Haji yang mabrur itu tidak ada balasan sa-lain daripada Shurga"*.








HARI Pelajar seluroh negeri telah di-lancharkan perasmian-nya pada 5hb Nobember yang lalu bertempat di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Hari Pelajar tahun ini berthemakan Pelajaran Penanaman Modal Negara dan akan di-adakan di-sekolah2 di-seluroh negeri pada tarikh2 yang berasingan sepanjang bulan ini dan bulan Disember.

Sejak Hari Pelajar itu di-rasmikan, beberapa buah Sekolah telah pun mengadakan Hari Pelajar di-sekolah masing2.

Gambar2 ini ia-lah sa-bahagian dari achara yang telah di-persembahkan di-upachara pembukaan rasmi Hari Pelajar itu.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15hb Nobember, 1978 hingga ka-hari Selasa 21hb Nobember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15hb Nob. | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 16hb Nob. | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 17hb Nob. | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 18hb Nob. | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Nob. | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 20hb Nob. | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 21hb Nob. | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## DUA ORANG JEMAAH HAJI MENINGGAL DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang jemaah haji kita telah meninggal dunia sa-masa menunaikan fardhu haji tahun ini.

Dayang Tinggal binte Nayan dari Kampong Batang Tuau, Temburong telah meninggal dunia di-Medinah dalam bulan lalu.

Allahyarhamah Dayang Tinggal berumor 66 tahun, menunaikan fardhu haji bersama suami-nya.

Awang Othman bin Jalil, berumor 69 tahun telah meninggal dunia di-Mekah pada 31hb Oktober yang lalu.

Allahyarham yang berasal dari Kampong Labi, Ulu Belait bertolak meninggalkan Brunei dalam penerbangan ke-empat pada 13hb Oktober bersama isteri-nya.

# Senarai Harga Kereta

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi ajen penjual kereta di-negeri ini yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Brunei.

Sharikat2 itu ia-lah GOH HOCK KEE MOTORS yang menjual kereta jenis Daihatsu dan MUDA SERI LTD. yang menjual kereta jenis Jaguar.

## Goh Hock Kee Motors

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DAIHATSU 1200 CUSTOM SEDAN Model : A10RKL Radio, Clock, Safety Belt, Air-Blower. | $10,959.00 | $11,364.00 |
| DAIHATSU 1200 4-DOORS VAN Model : A10RVD Radio, Clock, Blower. | $11,334.00 | $11,750.00 |
| DAIHATSU 1400 HI-CUSTOM SEDAN Model : A20RKG Air-Condition, Radio, Rpm., Clock, Safety Belts. | $13,350.00 | $13,788.00 |
| DAIHATSU TRUCK 1994 c.c. (Mover On Petrol) Model : V34-T | $16,108.00 | $16,777.00 |
| DAIHATSU TRUCK 1994 c.c. (Mover On Petrol) Model : V30-T | $16,995.00 | $17,664.00 |
| DAIHATSU TRUCK 1994 c.c. (Mover On Petrol) Model : V32-H | $19,000.00 | $19,733.00 |
| DAIHATSU TRUCK 2,530 c.c. (Mover On Diesel) Model : V22-H | $21,300.00 | $22,056.00 |

## Muda Seri Limited

| | | |
|---|---|---|
| JAGUAR 4.2 LITRE SALOON Model : XJ 6 Automatic Transmission, Air-Conditioning, Electrical Aerial, Tinted glass and Door Mirror. | $54,105.00 | $55,457.00 |

2. Perubahan dan kenaikan harga2 yang tersebut di-atas ada-lah terta'alok kapada turun dan naik-nya nilai mata wang Jepun (wang ringgit Jepun) dan sa-tiap perubahan itu terlebeh dulu di-persetujui oleh Pengawal Harga.

3. Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerja-sama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.



YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa menyampaikan hadiah kapada Awang Wilson T.K. Lai yang telah berjaya memenangi Pingat Emas dalam bahagian gambar berwarna yang bertajok "Sunday Morning" (gambar kanan).





'EXPLORING the Horizon' oleh Kenneth K. S. Mah dari Brunei yang telah mendapat hadiah terbaik bagi peserta2 tempatan bahagian gambar hitam puteh.

# Pameran Senifoto A-Tenggara

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pameran Pertandingan Senifoto Asia Tenggara Kali Kelima sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Yang Ke-32 tahun telah di-adakan sa-lama 10 hari bertempat di-balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.

Pameran tersebut telah di-buka rasmi oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim.

Lebeh daripada 300 keping gambar2 slide berwarna, gambar berwarna dan hitam puteh yang di-pileh daripada lebeh dari 900 hasil2 yang di-hantar di-pertandingan tersebut telah di-pamerkan.

Lebeh daripada 150 orang juru2 gambar di-kawasan Asia Tenggara telah menyertai. Sabanyak 30 orang juru2gambar termasok sa-orang jurugambar tempatan telah di-pileh untok memenangi pingat emas di-pertandingan itu.

Memenangi hadiah2 terbaik dalam bahagian gambar ia-lah Dr Leo K. K. Wong dari Hong Kong. T. Angsin dari Filipina memenangi dalam bahagian hitam puteh manakala bahagian gambar2 slide berwarna pula telah di-menangi oleh Liew Terk Wah dari Thailand.

Sementara itu bagi peserta tempatan tiga hadiah2 terbaik juga telah di-menangi. Wilson T. K. Lai yang juga memenangi pingat emas di-peringkat Asia Tenggara—bahagian gambar2 berwarna, Kenneth K. S. Mah — bahagian gambar2 hitam puteh dan Shik Geok Leong—bahagian gambar slide berwarna.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut dibawah bermula pada 9hb Nobember, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   (b) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   (c) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
2. ASAM JAWA CHAP SINGA — 35 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   (b) Chop Lian Joo, No. 32, Jalan Sultan.
   (c) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
   (d) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
3. KACHANG HIJAU — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Ming Thai, No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Chang Seng Cheong, No. 103, Jalan Mekerron.
   (b) S.S. Sa'adiah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
   (c) Hwa Mee, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Raya.
2. ASAM JAWA CHAP SINGA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   (b) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
   (c) Koh Kit Min, No. 28, Jalan Pretty.
   (d) Seng Hup Hin Company, No. 30, Jalan Pretty.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   (b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   (c) Chop Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   (d) Hwa Mee, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Raya.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $3.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
2. ASAM JAWA CHAP SINGA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   (b) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   (c) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   (d) Choo Heng & Co. No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   (e) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
   (f) A. Muhammad, No. 66, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG HIJAU — 40 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.



GAMBAR hitam puteh yang bertajok Try and Try Again oleh T. Angsin dari Filipina yang mendapat hadiah terbaik dalam bahagian gambar hitam puteh.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 15HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 STAR TREK

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 STAR TREK — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 RICH MAN POOR MAN — Episod 18
Perhubongan Rudy dengan Kate menjadi lebeh menyulitkan apabila Maggie Porter munchul semula dalam hidup-nya.

7.22 AZAN ISHA

7.26 RICH MAN POOR MAN — sambongan

8.00 BEWITCHED — "Mc Tavish"
Samantha memujok sang hantu untok meninggalkan istana Inggeris lama lalu ia memutuskan untok memasoki rumah Stephen pula.

8.30 MAJALLAH BERITA

9.00 SHOW OF THE WEEK — "Neil Sedaka"

10.30 PERLAWANAN GUSTI

11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 16HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "Smoke Screen"

6.08 AZAN MAGHRIB

6.12 VALLEY OF THE DINOSAURS — sambongan

6.30 THE SECRET OF ISIS — "Now You Don't"

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HOW THE WEST WAS WON

7.23 AZAN ISHA

7.27 HOW THE WEST WAS WON — sambongan

8.00 HIDAYAT

8.30 MAJALLAH BERITA

9.00 DOKUMENTARI MELAYU : Audubon Wildlife Theatre : "North-West to Alaska"
Alaska ada-lah tanah yang penoh dengan pemandangan indah dan berbagai jenis binatang; kambing2 gunong, serigala2 dan lain juga berbagai jenis burong yang berwarna warni.

9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU

11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 17HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 AL-KESAH — "Ghani Dan Hek"

5.45 CLOPPA CASTLE — "It's a Gift"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG

6.08 AZAN MAGHRIB

6.12 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan

6.30 THE MUPPETS

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 TELEMATCH

7.23 AZAN ISHA

7.27 TELEMATCH — sambongan

8.00 ODD MAN OUT "Money, Money, Money"

8.30 MAJALLAH BERITA

9.00 DAVID NIXON MAGIC SHOW

9.45 QUINCY — "A Blow to the Head... A Blow to the Heart"

10.35 NIGHT GALLERY

11.25 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 18HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 THE LOST ISLANDS — "The Treasure Map"

6.00 RENGKASAN BERITA



DALAM episod Doctors' Hospital minggu ini, "Come At Last To Love", Jururawat Bobbie Marks menginjek diri-nya sendiri dengan sa-jenis virus yang membahayakan sa-lepas pehak hospital enggan membenarkan Dr David Stone untok menjalankan projek pengkajian-nya ka-atas manusia. Tetapi Bobbie menyintai Dr Stone dan bersedia untok mati kerana-nya.

Dr Goodwin juga menghadapi kesulitan2 minggu ini. Sa-orang pesakit muda, Emma Delaney mengidapi penyakit tumbohan dalam otak tetapi tidak mahu menjalani pembedahan kerana ia sedang mengandong dan merasa takut ini akan membahayakan anak yang di-kandong-nya.

Dr Goodwin menjalankan pembedahan dalam satu adegan dari "Come At Last To Love" episod DOCTORS' HOSPITAL minggu ini.

6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Hunted in Holland"

6.08 AZAN MAGHRIB

6.12 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOCTORS' HOSPITAL

7.23 AZAN ISHA

7.27 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan

8.00 GURAU SENDA

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 STARSKY AND HUTCH "The Trap"

9.30 PREMIER SOCCER

10.25 TAYANGAN MALAM SABTU — "The 300 Year Weekend"
Sa-ramai 10 orang, tiap2 sa-orang dengan masaalah2 emosi, berhimpun di-pejabat Dr Marshall, sa-orang pakar ilmu jiwa bagi satu perjumpaan.

11.45 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 19HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Bunyi2an"

5.45 DAISY DAISY

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 ATOM ANT — "Up in the Air Squares"

6.08 AZAN MAGHRIB

6.12 ATOM ANT — sambongan

6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.00 PROJECT U.F.O.

7.23 AZAN ISHA

7.27 PROJECT U.F.O. — sambongan

8.00 THE ROLF HARRIS SHOW

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MUZIK MUZIK MUZIK

9.30 ANNA KARENINA — Episod kelima
Anna dan Vronsky tidak dapat menchari jalan keluar tetapi Karenina memutuskan untok mengambil tindakan yang positif. Sementara itu Kitty dan Levin bertemu dengan tidak senghaja.

10.20 THE COLLABORATORS — "Beyond All Reasonable Doubt"
Dr Erickson terlibat dalam bilek mahkamah yang ganjil di-mana saorang budak lelaki di-tudoh membunoh sa-orang budak perempuan.

11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 20HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Stranger"

6.08 AZAN MAGHRIB

6.12 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 LOU GRANT — "Psych-Out"
Lou bimbang akan tekanan yang dibuat ka-atas pemberita Joe Rossi untok lebeh melibatkan cherita2-nya yang



JACK Klugman (Quincy) dan tetamu undangan istimewa Randy Shields membintangi espisod yang menarek ini bertajok "A Blow to the Head..... A Blow to the Heart".

Sa-orang petinju, Luke Stokes telah mati, ternyata di-sebabkan oleh kerosakkan otak, berikutan dengan pertandingan merebut kejuaraan dengan Ray Ringo. Apabila janda Luke mengatakan-nya sebagai perbuatan kotor, Quincy membuat penyiasatan yang teliti mengenai kes ini — dan ia mula menshaki pembunohan.

mana telah menyebabkan Rossi terpaksa menghadapi risiko semasa membuat laporan mengenai hospital2 penyakit otak.

7.23 AZAN ISHA

7.27 LOU GRANT — sambongan

8.00 KEBUN KITA

8.30 MAJALLAH BERITA

9.00 BAHAS

9.30 BIG HAWAII — "Blind Rage"

10.20 WINGS — "Business as Usual"
Satu lawatan dari sa-orang jeneral dan satu tugas khas untok penerbangan "C".

11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 21HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.48 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.09 AZAN MAGHRIB

6.13 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "The Mystery of the Hollywood Phantom" — Bahagian pertama.
Satu perhimpunan ditektif di-Hollywood menjadi satu hal yang membahayakan bilamana peserta2-nya hilang dari sa-buah studio filem.

7.24 AZAN ISHA

7.28 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan

8.00 SERIKANDI

8.30 MAJALLAH BERITA

9.00 ARENA SOKAN —

9.40 THE PROFESSIONALS — "Heroes"
C15 mendapat tahu bahawa satu chubaan membunoh akan di-lakukan ka-atas sa-orang ahli politik Amerika yang penting dan terserah-lah kapada Cowley untok melindongi-nya.

10.30 DOCUMENTARY : World of Survival "Tiger, Tiger".

11.20 SIARAN TAMAT.

TISARI RTB



## n yang paling popular di-Seria

Mu-
ku-
The

of
-nya,
amat
k se-
15hb
h sa-
alam
lepas
ikuti
akhir

Mutika di-Bandar Seri Begawan.

Kumpulan ini ada-lah kugiran yang terbaik di-Seria dan kerapkali di-undang untok bermain di-Panaga Club Seria, hari2 perkahwinan dan pesta2.

Lagu2 kegemaran minggu ini dalam ranchangan Muzik Muzik Muzik pada hari Ahad 19hb Nobember termasok-lah lagu2 "Geram", "Si-Gadis Ayu". Tentu-nya The 15th March ada-lah satu2-nya kugiran yang akan di-saksikan persembahan mereka dalam jangka masa yang agak kerap.

## "Zoomm Macham Supershell" Sandiwara radio minggu ini

KESAH sa-orang pemuda yang menganggor yang akhir-nya memileh pekerjaan yang di-minati-nya iaitu sa-bagai sa-orang makenik di-sa-buah bengkel kereta persendirian, mendapat tentangan yang hebat dari ibu dan kekaseh-nya, akan dapat di-dengar menerusi ranchangan Sandiwara Radio pada hari Ahad ini, 19hb Nobember, 1978 jam 12.00 tengah hari, terbitan Annuar Haji Abd Hamid, dengan cherita yang berjudol 'Zoomm Macham Supershell'.

Pekerjaan yang di-pileh oleh pemuda ini, tidak-lah mendapat apa2 tentangan dari ayah-nya, malah ia lebeh suka anak-nya itu memileh jalan-nya sendiri yang hendak di-lalui-nya, apa-tah lagi lapangan yang di-pileh oleh anak-nya, jarang2 di-chabori oleh anak2 muda kita hari ini (Bangsa Melayu).

Tetapi kapada si-ibu dan kekaseh-nya berpendapat bahawa pekerjaan yang di-pileh-nya itu, ada-lah pekerjaan yang tidak baik, dan satu pekerjaan yang rendah mutu-nya, bagi sa-orang pemuda saperti Mansor. Dan kedua mereka lebeh senang dan suka kalau Mansor memileh bukan di-Bengkel Persendirian itu, tetapi di-salah sa-buah Pejabat Kerajaan yang berhawa dingin dan menerima gaji yang lumayan sa-tiap bulan.

Bagaimana-kah kesah selanjut-nya, penulis A. Mohammad Timbang, Brunei, mengajak kita jangan lupa untok mengikuti siaran-nya nanti.



THE Boys' Final of the Annual English Debating Competition among Upper Secondary Schools was held at the Assembly Hall of the Sufri Bolkiah English School in Tutong on 26th October.

The recorded programme can be heard over the English Service on Sunday 19th November, 1978 at 8.30 pm and to be repeated on Monday 20th November, 1978 at 12.00 noon.

Picture shows the winning team with their winning trophies from St. Andrews (L to R: wearing ties: Joseph Lim, Simon Woo and Rudolf Cheong).

## Chara menanam tembakau dalam ranchangan Kebun Kita

TEMBAKAU ada-lah jenis tanaman yang tidak banyak di-usahakan oleh peladang2 kita. Namun demikian, kita tidak boleh menafikan bahawa hasil-nya sangat2 di-perlukan sa-tiap hari di-negeri kita.

Dalam ranchangan Kebun Kita kali ini, awda penunton akan menyaksikan tunjok chara bertanam pokok tembakau dan memproses daun-nya untok di-jadikan sigop.

## "Suara dari Bintang2"

SUARA dari Bintang2 bagi keluaran minggu ini, akan di-isikan oleh Awang Mohammad Salleh bin Mohammad, salah sa-orang yang pernah mewakili Daerah Temburong ka-Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei, bahagian Asli.

Beliau sekarang bertugas sa-bagai anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Dalam temu-ramah kami dengan-nya di-ranchangan ini, beliau menyatakan bahawa beliau ingin lagi meneruskan chita2-nya untok menjadi penyanyi di-tanah ayer, walau pun terdapat beberapa kesibokan dalam masa2 menjalankan tugas harian-nya.

Suara Dari Bintang2 akan dapat di-ikuti siaran-nya pada tiap2 hari Jumaat jam 2.30 petang.

## *Women's World*

MORE and more women nowadays are taking an active part in the affairs of Society. They need not necessarily be Career Women, but even Housewives can contribute to Society and have more chances to keep abreast with current issues than their counterparts in Office jobs

Seen here airing their views on the topic of "ARE WOMEN BRUNEI CONTRIBUTING TO THE DEVELOPMENT OF OUR COUNTRY" are (second from left) Dt Hjh Jusnani bte Haji Lawie, Dk Mariam Pg Haji Metarsad and Datin Ursula Harris together with the Producer of the programme, Charan Chand (far left). The programme can be heard on the English Section of Radio Brunei on 19th November, 1978 at 12.00 noon.

(Due to special request, Women's World will now be broadcast on Sundays from 12.00 noon — 12.30 pm. instead of on Saturdays from 11.30-12.00 noon).






# MENYAHUT PEMBELAAN WATAN DARUSSALAM

KETIKA negara dan bangsa Brunei dalam usia yang maseh muda dan bersedia pula untok mengukoh dan mempertahankan keamanan-nya di-sepanjang masa, tenaga2 belia harapan bangsa dan pembela negara mula di-kehendaki untok mengisi harapan demikian bagi menyahut pembelaan watan yang Darussalam ini.

Tidak menghampakan seruan yang maha suchi itu sa-pantas-nya telah mendapat perhatian dan galakan yng maha tinggi dari pemuda watan dalam mana ramai pemuda kita telah menyahut-nya yang tidak ketinggalan juga khidmat yang mula di-berikan oleh Mohd Don bin Abd Latif yang di-lahirkan di-Kampong Telisai, Tutong.

Mohd Don yang kini di-kenali pula dengan nama Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Mejar Dato Seri Laila Jasa Mohd Don ada-lah merupakan salah sa-orang anggota perajurit kita dalam pengambilan pertama pada 31hb Mei, 1961.

Beliau dengan beberapa orang pemuda perintis Askar Melayu Diraja kita telah mendapat latehan ketenteraan sa-bagai rekrut di-Pusat Latehan Rekrut Angkatan Tentera Diraja Malaysia yang bermarkas di-Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sa-lepas sahaja menamatkan latehan asas ketenteraan-nya, YDM Pehin telah di-tempatkan di-Pasokan ke-4 Askar Melayu Diraja di-Mentakab, Pahang lebeh kurang sa-lama tiga tahun sa-hingga tahun 1964.

Antara April hingga Jun, 1964 beliau telah di-tempatkan di-Segenting di-mana di-sini beliau telah mendapat pangkat sa-bagai Kopral dan dari sini beliau telah pulang ka-tanah ayer apabila negara kita berkemampuan untok mendirikan markas tentera tersendiri dalam negeri dengan di-tempatkan di-Kompeni 'B' di-Perkhemahan Berakas sa-bagai Jurulateh Rekrut sa-hingga bulan Januari 1966.



YDM Pehin Datu Kerma Setia Mejar Dato Seri Laila Jasa Mohd Don.

Sekali lagi beliau telah di-naikkan pangkat sa-bagai sarjan pada Oktober 1964 dalam mana sa-lepas bertugas sa-bagai jurulateh beliau telah di-hantar ka-Kota Belud, Sabah sa-bagai Sarjan Mentadbir sa-lama kira2 empat bulan sa-hingga Jun 1966, dan dari Kota Belud Sgt Mohd Don di-tempatkan kembali di-Perkhemahan Berakas dalam bahagian setor di-Kompeni Latehan sa-lama sa-tahun di-Kuarter Master.

Pada penghujong tahun 1968 beliau di-naikkan pangkat sa-bagai Sarjan Mejar di-mana sekali lagi beliau mengikuti latehan di-Regimental Quater Master Sergeant (RQMS) dan melayakkan beliau menerima pangkat sa-bagai Pegawai Waran II (WOII) dan sehingga pada 20hb Oktober, 1970 di-naikkan lagi ka-pangkat pegawai sa-bagai Leftenan.

Dalam sepanjang usia perkhidmatan beliau di-Pasokan AMDB, bulan Oktober ada-lah merupakan bulan bertuah bagi-nya di-mana dalam bulan itu di-tahun 1974, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan mengorniakan dengan sampiran gelaran sa-bagai Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Mejar Dato Seri Laila Jasa dan pada bulan Februari, 1976 di-korniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei dengan Bintang Dato Seri Laila Jasa Darjah Kedua (DSLJ).

Usaha dan didekasi dalam menjalankan tugas sa-bagai anggota askar ada-lah menjadi satu pedoman yang tinggi pada beliau tanpa mengenal penat dan lelah kerana itu hanya-lah satu2 bentok bakti yang dapat beliau churahkan kapada bangsa dan negara saperti mana juga yang tersemat dalam jiwa beliau ketika mula2 mencheborkan diri dalam pasokan berkenaan, dan kerana usaha serta bakti yang tidak memileh itu tentu-lah kejayaan yang berlipat-ganda akan menjadi balasan-nya.

Justeru itu kenaikan pangkat bukan lagi menjadi satu perkara asing bagi beliau di-mana pada 1hb Mach, 1973 dari pangkat Leftenan beliau telah menyandang pangkat sa-bagai Kaptan dan kira2 lima tahun tiga bulan sa-lepas itu beliau di-naikkan pangkat sa-bagai Mejar Tetap pada 20hb Oktober, 1978 dengan bertugas di-Kuarter Master di-Pasokan AMDB, Battalion Kedua Perkhemahan Tutong sa-hingga sekarang sejak 7hb Mach, 1978.

Di-samping itu YDM Pehin Kerma Setia telah juga mengikuti beberapa kursus tentera di-beberapa tempat di-seberang laut saperti di-United Kingdom, Singapura dan Hong Kong antara tahun2 1970 sa-hingga 1975.

YDM Pehin telah mula mendapat pelajaran asas di-sekolah rendah Melayu Kampong Telisai awal tahun 1950an dan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria sa-hingga darjah lima pada tahun 1957. Pada tahun 1958 beliau telah mendapat pekerjaan sa-bagai budak pejabat (Peon) di-Jabatan Kerja Raya, Daerah Tutong sa-hinggalah pada 31hb Mei, 1961 beliau mula mencheborkan diri sa-bagai askar AMDB dalam usia 19 tahun.




## IKUTI BERBAGAI KURSUS

SATU Kursus Ulangkaji bagi Jurulateh Latehan Jasmani dari semua unit di-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah di-mulakan kelmarin, Selasa, 14hb Nobember di-Berakas Kem.

Kursus tersebut terbahagi kapada dua perengkat, bagi perengkat pertama ia-nya akan berakhir sa-hingga 22hb Nobember ini dan akan di-ajar oleh Pegawai Waran Satu, Norshah bin Haji Abdullah. Manakala perengkat kedua peserta2 akan mengikut latehan yang akan di-berikan oleh jurulateh dari Hong Kong bermula pada 23hb hingga 24hb Nobember.

Sementara itu dari Pusat Latehan AMDB di-Perkhemahan Bolkiah sa-ramai dua orang pegawai telah bertolak ka-Hong Kong pada 8hb hingga 12hb Nobember yang baru lalu untok mengikuti kursus dalam bahagian senjata.

Mereka ia-lah Pegawai Waran Dua, Mohd Ali bin Abd Rahman dan Sgt Kamis bin Karim.

Pada 26hb Nobember, lima orang anggota pasokan AMDB dari Battalion Pertama akan bertolak ka-Singapura untok mengikuti kursus Payong Terjun sa-lama kira2 dua minggu yang akan berakhir pada 2hb Disember depan.

## Perbarisan Perpisahan

SATU perbarisan perpisahan bagi Pegawai Pemerentah Angkatan Laut Pertama AMDB, Lt. Kol. David Wright telah di-adakan pada pagi Khamis yang baru lalu bertempat di-markas pasokan itu di-Muara.

Lt. Kol. David Wright telah memegang jawatan tersebut sejak bulan Januari, 1976 hingga Nobember, 1978. Beliau sa-belum itu telah bertugas di-Pasokan Angkatan Laut British di-United Kingdom.

Sa-lepas ini beliau akan memegang jawatan baru-nya di-Markas Pasokan AMDB di-Perkhemahan Berakas sa-bagai Penasehat Turus Angkatan Laut AMDB yang akan bermula awal Januari, 1979.

Jawatan beliau akan di-gantikan oleh Lt. Kol. T. Wilts dari UK yang telah sampai di-negeri ini dua bulan yang baru lalu.

Dalam upachara perbarisan pagi itu anggota pasokan berkenaan telah memberikan tabek hormat perpisahan kapada beliau dan sa-terus-nya satu penyampaian hadiah kenang2an telah di-berikan.

Kelihatan dalam gambar bawah Lt Kol .sedang menerima hadiah kenang2an dari pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB.



## Pasokan Askar Muda AMDB

DI-SAMPING itu sa-ramai 35 orang pemuda yang berumor di-bawah 16 tahun dari beberapa buah sekolah menengah dan maktab di-negeri ini telah terpileh untok mengikuti kursus dalam Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei yang akan di-mulakan awal tahun depan.

Chawangan yang baru di-tubohkan itu telah mula menjalankan pemilehan dalam beberapa temu-duga di-seluroh negeri dalam mana kira2 600 orang penuntut telah memohon untok mengikuti-nya sejak awal Julai yang baru lalu.

Dari jumlah tersebut sa-ramai kira2 60 orang di-antara-nya telah terpileh untok memasoki ujian temu-duga terakhir dan dari-nya 35 orang sahaja yang berjaya untok mengikuti kursus berkenaan.

Pasokan baru itu menjalankan berbagai latehan dalam pendidekan akademik dan teknikal yang juga di-gabongkan dengan latehan tentera sa-lama kira2 tiga tahun.

Ada-lah di-fahamkan sa-lepan lulus mengikuti kursus tersebut mereka akan di-ambil berkhidmat dengan Pasokan AMDB sa-lama tempoh lima tahun dan mereka di-bolehkan memileh samada berhenti atau menyambong kerjaya dalam pasokan itu.

Antara latehan2 akademik dan ketenteraan yang akan di-berikan termasoklah Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Fizik, Ugama Islam dan Pelajaran Alam Keliling yang di-ajar di-perengkat Biasa (O level).

Dalam latehan2 teknikal pula mereka akan di-ajar dalam pertukangan kayu, pertukangan besi, pemeliharaan kenderaan dan radio bagi melayakkan mengikuti latehan lanjut di-samping latehan2 ketenteraan yang berupa pengambaraan dan berbagai latehan lain.

Sepanjang mengikuti latehan itu mereka akan juga menerima elaun bulanan sa-banyak $60.00 dan akan di-tambah kapada mereka yang menerima kenaikan pangkat.

# ACHARA SOKAN KECHIL PELAJAR DEWASA TANAH JAMBU/MENTIRI

KAMPONG TANAH JAMBU. — Beberapa achara sokan kechil dalam Temasha Ria Pelajar Dewasa Sekolah Melayu Tanah Jambu, Brunei II dan Sekolah Melayu Mentiri, Brunei III, telah di-langsongkan di-sini baru2 ini.

Antara sokan kechil itu ia-lah: Menyuchok benang ka-lubang jarum, bagi pelajar2 kelas membentras buta huruf permulaan (perempuan) dan chari benda dalam tepong bagi pelajar2 kelas membentras buta huruf (lelaki).

Peraduan membacha rumi, bagi pelajar2 kelas membentras buta huruf permulaan (perempuan) dan peraduan membacha jawi bagi pelajar2 membentras buta huruf menengah/tertinggi (lelaki dan perempuan).

Peraduan membacha rumi bagi pelajar2 kelas bahasa Inggeris. Tiup belon hingga pechah, bagi pelajar2 urusan rumah-tangga dan menchari benda melalui kad bagi pelajar2 Inggeris (perempuan).

Lari membawa belon dalam pinggan, bagi pelajar2 menaip (lelaki dan perempuan).

Tujuan temasha tersebut sa-lain dari memperhatikan kechekapan serta kegiatan2 pelajar kelas dewasa, di-kampong2 tersebut maka ia-nya juga sa-bagai pendorong kapada pelajar2-nya bagi mengiatkan usaha2 dalam lapangan pelajaran; terutama hasil usaha itu nanti akan dapat menolong dalam semua aspek kehidupan". Demikian telah di-tegaskan antara lain oleh Setia Usaha temasha tersebut.

Upachara penyampaian hadiah dan sijil2 kapada pelajar2 dewasa telah di-laksanakan oleh Penyusun Pelajaran Dewasa, Brunei Awang Haji Umar bin Muhammad.



ACHARA lari memileh atah beras, terbuka kapada pelajar2 dewasa perempuan.



ACHARA lari membawa belon dalam pinggan bagi pelajar2 menaip (perempuan). Sementara gambar bawah ia-lah meniup belon hingga pechah bagi pelajar2 urusan rumah-tangga.





GAMBAR memperlihatkan peraduan memasak bagi Kelas Urusan Rumah Tangga (atas) sementara bawah ia-lah achara menyusun benda melalui kad bagi pelajar2 Kelas Bahasa Inggeris.



## Kejohanan bola keranjang

SERIA. — Perlawanan akhir kejohanan bola keranjang antara bandar2 telah di-langsongkan di-Gelanggang Persatuan Kejuruteraan China di-sini minggu lalu. Pasokan2 dari Bandar Seri Begawan telah munchol sa-bagai johan dalam kedua2 bahagian lelaki dan perempuan.

Naib johan dalam bahagian lelaki ia-lah Pasokan Seria dan Pasokan Kuala Belait mendapat tempat ketiga. Sementara naib johan dalam bahagian perempuan ia-lah Pasokan Kuala Belait dan Pasokan Seria mendapat tempat ketiga.

Sa-banyak 7 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan merebut kejohanan bola keranjang ia-itu bagi merebut piala rebutan yang telah di-hadiahkan oleh Restoran New China. Ia-nya di-anjorkan oleh Persatuan Bola Keranjang Daerah Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Awang Yong Yin Sen dan Awang Chang Shek Huat sementara piala rebutan telah di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu.

## BOLASEPAK ASIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negeri Brunei akan menyertai perlawanan Bolasepak Asia yang akan di-langsongkan di-Sri Lanka bulan Disember depan.

Sa-ramai 17 orang pemain bolasepak dari maktab dan sekolah2 menengah di-seluroh negeri yang berumor 18 tahun ka-bawah telah di-pileh. Latehan pusat di-adakan di-S.M.M. Muda Hashim, Tutong.

## Seminar bolasepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu seminar bolasepak telah di-langsongkan Selasa lepas di-Pusat Belia di-sini. Seminar tersebut ia-lah anjoran Persatuan Bolasepak Amatur Brunei, Persatuan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dan Coca-Cola. Beberapa orang Jurulateh Bolasepak Brunei, pengadil dan pentadbir yang bergabong dengan jurulateh kebangsaan, telah mengambil bahagian dalam seminar tersebut.

## Kursus Ulang-kaji

BERAKAS. — Satu kursus ulang-kaji bagi jurulateh2 latehan jasmani dari semua Yunit Askar Melayu Diraja Brunei telah di-mulakan sa-malam hingga 22hb Nobember ini.

Kursus tersebut di-kendalikan oleh Pegawai Warant Satu, Awang Norshah bin Haji Abdullah. Satu ujian bagi para peserta dalam kursus tersebut juga di-jalankan oleh pemereksa2 dari Hongkong pada tarikh berikut-nya.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT DAERAH KUALA BELAIT DAN SERIA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah Kuala Belait dan Seria, Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Tingkatan II.
b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang pernah berkhidmat sebagai Penyelenggara Setor Bergaji Hari di-Jabatan Kerajaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

2. PENGAWAS KECHIL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal sukat menyukat tanah.
b) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mahir mengetahui kedudokan kampong2 di-Daerah Belait termasok-lah pendalaman (Ulu Belait).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

3. OPERATOR MESIN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu Klas II yang di-akui sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.
b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam Bahasa Melayu.
c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu mesin jenis Wheel Loader atau Shovel.
d) Pemohon2 yang mempunyai lisen memandu Klas V di-samping Klas II ada-lah di-utamakan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427 - 440/ EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Disember, 1978.

(E/1032/78 — Bil: 123/1978)

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. JURUTEKNIK MAKMAL KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah mempunyai ONC/OND dalam perkara2 perubatan makmal atau yang sebanding dengan-nya.
b) Sekurang2-nya mempunyai pengalaman 5 tahun sabagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Umor : Kurang dari 40 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 8 EB 9 — $1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454/ EB /1505-1556-1607 - 1658 - 1709. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. JURUTEKNIK MAKMAL TERLATEH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai ONC/OND dalam perkara2 perubatan makmal atau yang sebanding dengan-nya.

Umor : Kurang dari 30 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 4-5 EB.6 — $650-682-714-746-778-810-880-905-931-956-982-1007-1033 / EB / 1173 - 1199 - 1224-1250-1301.

**Sharat2 Lantekan :**

Mereka yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis sabanyak 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Disember, 1978.

(E/215/74—Bil: 121/1978)

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

**No. 44 TAHUN 1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Rais d/a No: 52, Kampong Terunan, Labi, Ulu Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jauyah binte Labak yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16hb Nobember, 1978, pada jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4hb Nobember, 1978.

**No. 43 OF 1978**

APPLICATION to this Court having been made by Leong Nyong Soon of Lot No: 3547, Kampong Perpindahan, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wong Ah Kaw late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful widow of the deceased.

**No. 45 OF 1978**

APPLICATION to this Court having been made by Wong Siew Yin @ Bong Sew Jan of No: 18, Kg. Tenajor, Labi, Ulu Belait, State of Brunei for Grant of Probate to the estate and effects of Liew Ton late of Kuala Belait, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is Trustee & Executris of the deceased.

Notice is hereby given that the application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 16th day of November, 1978 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to attend the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the HIGH COURT, Kuala Belait before the above date.

Dated this 4th day of November, 1978

## Sa-bagai Pemandu Tingkat Khas

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Tingkat Khas di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai lesen memandu Kelas III dan/atau Kelas V dan tidak di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb Januari, 1979.

(E/1825/76 — Bil: 131/1978)

## Sa-bagai Guru Ugama Terlateh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sebagai Guru Ugama Terlateh di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah lulus Kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Al-Juned, Singapura atau lulus Darjah Khas Sekolah Ugama Kerajaan Johor atau sebanding dengan salah satu kelulusan tersebut di-atas.
c) Hendak-lah mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari tiga tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji :

a) T. 2—B$421-434-446-459 - 472-491-510-529-548-567 - 650-682-714-746-778-810 - 880-905-931-956-982-1007 / EB /1046 - 1071 - 1097 - 1122.

ATAU

b) T. 7—B$746-778-810-880 - 905-931 - 956 - 982 - 1007 - 1033-1071-1097-1135/EB/ 1173 - 1211 - 1250 - 1301 - 1352 - 1377 - 1403 - 1428 - 1454-1479.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon2 yang mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dengan mendapat kelulusan 4 mata-pelajaran akan di-pertimbangkan untok di-tempatkan dalam tangga gaji T. 7.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Disember, 1978.

(E/112/62/7 — Bil: 130/1978)

## TENDER NOTICE

**SIXTH FORM CENTRE JALAN GADONG**

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei for the Supply and Installation of:

Gymnasium Equipment to the Proposed Phase IV
Sixth Form Centre
Jalan Gadong Kg Kiarong
Bandar Seri Begawan
Brunei

2 Tender documents and Bills of Quantities may be obtained from the office of:—

Singapore Associate Architects
Room 16 2nd Floor
Hongkong Bank Chambers
Jalan Chevalier/Sultan
Bandar Seri Begawan
Brunei

from the 23rd November 1978 onwards during normal office hours.

3 The tender deposit is $200.00 (Dollars Two Hundred Only) made in favour of Singapore Associate Architects and is refundable to all unsuccessful tenderers subject to receipt of a Bona Fide Tender and return of all tender documents in good condition.

4 Tenders must be placed in the envelope provided and must not bear any identification of the name of the tenderer.

5 Tenders are to be submitted and must reach the office of :

The Chairman
Tenders Board
Secretariat Building
Bandar Seri Begawan
Brunei

not later than 12.00 noon, 19th December 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

6 The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## P.W.D. TENDER NOTICES

**No. 206 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st November, 1978 for :—

SUPPLY AND DELIVERY OF 1,500 CU YDS OF CRUSHER-RUN STONES TO PROPOSED RADAR STATION ACCESS ROAD, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 207 OF 1978**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 19th December, 1978 for :—

SUPPLY AND INSTALLATION OF LABORATORY FURNITURE FOR PUBLIC WORKS DEPARTMENT WATER WORKS AT JALAN TASEK LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of the Director of Public Works, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 208 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th November, 1978 for :—

PROPOSED SEWERAGE RETICULATION AND DISPOSAL FOR 260 UNITS BARRACKS AT ISTANA EDINBURGH, BRUNEI.

**Note: Site inspection commencing at 0900 hrs at the site on the 25th November, 1978. (If is essential that the date, time and place of the site inspection etc. be included in the advertisement at this is referred to the clause 34 of specification.) Contractor who wish to submit for the above must have previous experience of advanced de-watering techniques involved for deep trench excavation and also have sufficient equipment, plant etc. for the type of work.**

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 209 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th November, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG KASAT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 210 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th November, 1978 for :—

PROPOSED NEW DECORATIVE SECURITY FENCING AT ISTANA EDINBURGH, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 211 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th November, 1978 for :—

SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE RADAR STATION ACCESS ROAD AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No 212 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th November, 1978 for :—

SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED ACCESS ROAD TO INTEGRATED WEAPONS COMPLEX AT KAMPONG KAPOK, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 213 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th November, 1978 for :—

SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED ACCESS ROAD TO PROPOSED 45 UNITS BARRACKS FOR MUNICIPAL DEPARTMENT AT MILE 2, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PENERBANGAN AWAM, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sebagai Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah (a) mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik, (b) faseh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris, (c) berumor antara 18 hingga 25 tahun dan (d) mempunyai darjah kesihatan yang memenohi sharat2 ICAO bagi Pegawai2 kawalan Terafik Udara. Sa-baik2-nya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal2 penerbangan. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Lanjutan).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.3 EB. 4 — $625-657-689-720-752-784/ EB /854-880-905-931-956-982-1007. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Peluang Kenaikan Pangkat :**

Chalon2 yang berjaya akan di-lantek mula2 dalam perchubaan selama tiga tahun dan di-kehendaki lulus pepereksaan jabatan sebelum di-tetapkan dalam jawatan mereka dalam perjawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kapada mereka untok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Pengawal lalulintas Udara yang akan meliputi latehan seberang laut dan latehan penerbangan sebagai juruterbang hingga ka-perengkat Private Pilot Licence.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1978.

(E/868/72 — Bil: 122/1978)

## PERMOHONAN MEMASOKI SEKOLAH MENENGAH INGGERIS KERAJAAN BRUNEI BAGI TAHUN 1979

SUKACHITA di-maalumkan bahawa Jabatan Pelajaran Brunei mempelawa permohonan2 untok di-pertimbangkan memasoki sekolah Menengah Inggeris Kerajaan Brunei bagi tahun 1979, jika ada kekosongan di-darjah2 yang di-pohonkan dengan sharat2 sa-orang pemohon mesti-lah : —

(1) Telah belajar di-sekolah Aliran Inggeris sakurang2-nya sejak Primary IV atau telah genap 3 tahun ia belajar di-sekolah2 Private bagi melayakkan diri untok masok ka-sekolah2 Menengah Inggeris Kerajaan.

(2) Mempunyai Kemajuan pelajaran yang baik sa-chara 'am-nya dan mempunyai kelulusan di-peringkat persekolahan yang berkenaan.

(3) Dan tidak mengulang pada sebarang tingkatan yang di-pohonkan.

**Bayaran Sekolah**

Permohonan yang berjaya terdiri daripada : —

(1) Raayat Brunei tidak di-kenakan bayaran sekolah.

(2) Bukan raayat di-kenakan bayaran tiap2 bulan dan juga bayaran pepereksaan (akan di-maalumkan kelak).

**Permohonan di-buka dan di-tutop**

(1) **Bagi Tingkatan I**
Mesti lulus P.C.E. (Sijil Pelajaran Rendah)
- (a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan P.C.E.
- (b) Permohonan di-tutop sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan pepereksaan P.C.E. di-umumkan.

(2) **Bagi Tingkatan II, III dan V**
Mesti lulus pepereksaan sekolah di-Tingkatan I atau II atau IV masing2 dan bagi permohonan masok ka-Tingkatan V mesti-lah juga mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau yang sa-banding atau mengikut sharat2 naik ka-Tingkatan V yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran.
- (a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan pepereksaan sekolah.
- (b) Permohonan di-tutop pada 18hb Disember, 1978.

(3) **Bagi Tingkatan IV**
Mesti lulus Brunei Junior Certificate of Education atau yang sa-banding atau mengikuti sharat2 naik ka-Tingkatan IV yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.
- (a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education 1978 (Sijil Rendah Pelajaran Brunei 1978).
- (b) Permohonan di-tutop sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education 1978 (Sijil Rendah Pelajaran Brunei) di-umumkan.

(4) **Bagi Tingkatan VI Bawah**
Mesti lulus Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) mengikut sharat2 kelulusan akademik bagi naik ka-Tingkatan VI yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.
- (a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) 1978 di-umumkan.
- (b) Permohonan di-tutop sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) 1978 di-umumkan.

**Borang Permohonan**

(1) Peminat2 yang dapat memenohi sharat2 sahaja yang di-benarkan menghadapkan permohonan.

(2) Borang Permohonan boleh di-dapati daripada:—
- (a) Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan,
Pejabat Pelajaran,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.
atau
- (b) Penyelia Sekolah2 Daerah Belait,
Pejabat Pelajaran,
Kuala Belait.
atau
- (c) Penyelia Sekolah2 Daerah Tutong,
Pejabat Pelajaran,
Tutong.

(3) Borang permohonan yang telah sempurna di-isikan hendak-lah sampai tidak lewat dari tarikh tutop yang di-tetapkan di-atas kapada : —

Setia Usaha Jawatan Kuasa Dermasiswa,
Jabatan Pelajaran,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class A and B Contractors up to noon on Tuesday 4th December, 1978.

THE SUPPLY OF FEED-STUFFS OATS AND CHAFF TO THE ROYAL HORSES AT JERUDONG PARK AND BERAKAS.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope, and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. The cover must be addressed to, The Chairman of The Tenders Board, and marked as follows : —

THE SUPPLY OF FEED-STUFFS OATS AND CHAFF TO THE ROYAL HORSES AT JERUDONG PARK AND BERAKAS.

5. Tender documents may be obtained from the office of The Administration Officer ROYAL BRUNEI POLO CLUB, JERUDONG PARK, JERUDONG as from Wednesday 22nd November, 1978, during normal working hours.

6. The Tender deposit will be $5,000.00 refundable to all unsuccessful tenderers on receipt of a Bona Fide Tender.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

**SERIAL No. 78(AC)/1978**
AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Selective Grade A and B Air Conditioning Contractors up until 12.00 noon on Tuesday 28th November, 1978 for the : —

EXTENSION TO THE OFFICE OF THE ADVISER TO H.H. SULTAN, ISTANA DARUL HANA.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked "Air Conditioning Installation, Extension to the Office of the Adviser to H.H. Sultan, Istana Darul Hana".

4. The Form of Tender including specification and drawing issued from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei is enclosed for your attention.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## STATE STORES AND SUPPLIES DEPT. TENDER NOTICE 31/78

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Tuesday, 28th November, 1978 for the supply of :

50 UNITS 24 INCH LAWN MOWER POWERED BY 4-STROKE ENGINE, HAND PROPELLED.

Please contact office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei for details of tender.

## Kenyataan2 Jualan Lelong

DENGAN ini di-maalomkan kapada orang ramai bahawa jualan lelong bagi kenderaan yang di-sebutkan di-bawah ini akan di-adakan di-kawasan Balai Bomba Bandar Seri Begawan, Batu 1½ Jalan Tutong, Brunei pada hari Sabtu 18hb Nobember, 1978, mulai jam 9.00 pagi.

**JADUAL**

| Bil. | BG No: | Jenis Jentera. |
|---|---|---|
| 1 | 926 | LAND ROVER FIRE TENDER. |

Penangkap2 lelong yang berjaya ada-lah di-kehendaki membayar dengan tunai dan sa-terus-nya memindahkan kenderaan tersebut dari tempat lelong itu tidak lewat dari tujoh hari sesudah lelong itu di-adakan. Dia juga di-kehendaki membayar chukai Kastam.

NOTICE is hereby given that an auction sale of the undermentioned vehicle will be held at the compound of Fire Brigade Headquarters Bandar Seri Begawan, mile 1½ Tutong Road, Brunei, on Saturday 18th November, 1978 commencing at 9.00 a.m.

**LIST**

| No. | BG. No: | Type of Vehicle. |
|---|---|---|
| 1 | 926 | LAND ROVER FIRE TENDER. |

The successful bidder or bidders will be required to pay cash and remove the vehicle from the site not later than seven days after the auction. The successful bidder or bidders will also be required to pay custom duty.

## Pengendali Mesin Pengator Huruf

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pengendali Mesin Pengator Huruf Tingkatan III di-Jabatan Perchetakan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam mengendali slug-casting mesin sama ada Linotype atau Intertype mesin. Kebolehan dalam pemeliharaan biasa dan membaiki kerosakan2 kechil adalah merupakan satu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Disember, 1978.

(E/15/78 — Bil: 128/1978)

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

**No. 24/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdullah bin Othman, d/a Kampong Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Othman bin Lampoh yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 25/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Sapar bin Jumat, d/a No 26 Kampong Sungai Liang, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jumat bin Aba yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 26/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Md Jani bin Akut, d/a Jabatan Kerja Raya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Akut bin Md Said yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 27/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohd Noor bin Mamit, d/a Kampong Sinaut, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mamit bin Rajab yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 28/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tisah binte Tamam, d/a Mohd Noor bin Mamit, Kampong Sinaut, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tamam bin Butat yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 29/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jaludin bin Bujor, d/a Kampong Sinaut, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bujor bin Amba yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 30/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Puteh bin Sepot, d/a No. 32 Kampong Sungai Beruang, Jalan Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Aisah binte Senudin yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 31/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Abd Latip bin Penyurat Pali, d/a Kg Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Damit bin Karim yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara sa-pupu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Nobember, 1978 pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Nobember, 1978.

**Charlie Foo**
*Pegawai Penguasa Warith Negeri Brunei.*

## AUCTION SALE

NOTICE is hereby given that a Public Auction Sale of one unit Kris bicycle, the property of unclaimed property will take place on 15th November, 1978 at 9.30 am at the Kuala Belait Police Station.

## *Simposium Sains Kimia:*

# BIAR BERERTI TERHADAP P'BANGUNAN KEBANGSAAN

## — Selamat



Awang Selamat Munap.

**BANDAR SERI BEGAWAN.— Dalam Simposium Sains Kimia yang berlangsong di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pada pagi Ahad lepas, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Selamat bin Munap mengingatkan bahawa ketiadaan kepintaran yang menchukopi, maka dasar2 yang penoh bererti tidak akan dapat di-perkenalkan samada di-perengkat Kerajaan atau sektor2 persendirian.**

Sebab itu, kata-nya, usaha menghubong rapatkan di-antara sains kimia dan pembangunan kebangsaan sudah tentu menjadi kewajipan simposium tersebut dalam menghuraikan masaalah2 yang berkaitan dan membantu pehak yang berkenaan dalam melaksanakan tindakan2 untok faedah bersama.

Dalam hubongan itu, beliau menimbulkan tentang langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengujudkan Undang2 Penyalah-gunaan Dadah yang bertujuan untok melindongi masharakat dari bahaya2 dadah.

Simposium yang di-anjorkan itu, kata-nya, harus di-anggap penting dalam memperseimbangkan pengertian tajok-nya yang berbunyi peranan sains kimia dalam pembangunan negara.

Beliau mengingatkan bahawa majlis2 yang sa-umpama itu harus memberikan nilai2 yang bererti pada kepentingan pembangunan kebangsaan dan berharap ia-nya akan memberikan kesan kapada negara dalam memberikan erti yang berguna dari segi perlaksanaan undang2 tersebut.

Merasmikan pembukaan simposium itu, Awang Selamat berharap bahawa segala yang di-timbulkan di-dalam-nya akan benar2 berguna kapada masharakat dan negara sesuai dengan kaedah-nya tambahan pula ia-nya di-adakan oleh golongan2 yang mahir dalam lapangan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjor, Awang Majid bin Haji Abdul Rahman dalam uchapan alu2an-nya telah juga menyatakan tujuan2 simposium itu di-adakan yang antara-nya ia-lah untok mengujudkan bidang kerjasama antara pehak2 yang berkenaan dalam menyedari peranan sains kimia bagi faedah2 pembangunan negara.

Simposium itu telah menyentoh tentang berbagai2 aspek yang di-mainkan oleh masharakat dalam berbagai jabatan Kerajaan dan sektor swasta bagi kemajuan negara.

Cheramah Ranchangan Kemajuan Negara telah di-sampaikan oleh Awang Chua Peng Siong dari Yunit Peranchang Ekonomi dan juga telah menyentoh berbagai soal ekonomi dan perlaksanaan sosial.

Professor Kiang Ai Kim dari Universiti Nanyang Singapura telah di-undang untok menyampaikan cheramah dalam sidang pleno mengenai sains kimia dan aspek2 kemajuan sosio-ekonomi.

Cheramah2 juga telah di-sampaikan yang meliputi penggunaan sains kimia dalam pertanian, perindustrian, perubatan dan juga jurusan2 pelajaran dan penyelidekan.

Lapan orang pencheramah termasok dua dari Singapura telah mengambil bahagian dalam simposium itu yang di-hadhiri oleh lebeh dari 50 orang ahli Persatuan Kimia Brunei, penuntut2 dan tetamu2.

Simposium tersebut ada-lah di-taja oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei dan Sharikat Minyak Shell Brunei.

## Seminar Pertanian berakhir

SINAUT. — Satu seminar sa-lama dua hari mengenai pelajaran pertanian yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian Brunei telah berakhir hari ini yang di-langsongkan di-Pusat Latehan Pertanian di-sini.

Seminar tersebut yang telah bermula Selasa kelmarin di-kendalikan oleh beberapa orang pensharah kanan Jabatan Pertanian di-pusat tersebut dengan di-perhatikan oleh dua orang pakar pertanian dari Politeknik Wolverhampton, England.

Pakar2 tersebut yang telah sampai ka-negeri ini pada hari Isnin lalu seminar itu terdiri dari Dr. Tony Buckle dan John Low.

Seminar itu telah di-hadhiri oleh beberapa orang pegawai kanan dari semua steshen pertanian di-seluroh negeri dan pegawai2 dari Jabatan Pelajaran.










**MEMPERKENALKAN setem2 berharga 75 sen, 20 sen dan 10 sen yang akan mula di-jual kapada orang ramai pada 10hb Disember, 1978 depan.**

## Setem khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan mengeluarkan setem khas bagi memperingati Ulangtahun ke-30 Permashoran Hak Asasi Manusia Antarabangsa.

Setem2 yang berharga 75 sen, 20 sen dan 10 sen itu akan mula di-jual kapada orang ramai di-semua Pejabat2 Pos pada 10hb Disember depan.

Sampul2 surat Hari Pertama juga di-jual pada hari yang sama.

Setem2 tersebut akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluroh negeri sa-lama tiga bulan atau sa-hingga simpanan setem tersebut habis di-jual.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 15hb hingga 21hb Nob. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 15.11.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 | pagi |
| Sekolah Melayu Serasa | 15.11.1978 | Rabu | 10.00–10.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 15.11.1978 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 15.11.1978 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 16.11.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 | petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 16.11.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 | ,, |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 18.11.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 18.11.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 18.11.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 20.11.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 20.11.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 21.11.1978 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 21.11.1978 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

## Doktor di-Kelinik Lorong Dalam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang doktor akan di-tempatkan di-kelinik2 Kampong Lorong Dalam dan Kelinik Kampong Saba, Kampong Ayer untok merawat pesakit2 luar di-sekitar kampong2 yang berkenaan.

Pegawai2 perubatan itu akan berada sa-minggu sekali di-tiap2 kelinik ia-itu pada tiap2 hari Selasa di-Kelinik Kampong Lorong Dalam dan telah pun bermula semalam, sementara di-Kelinik Kampong Saba pada tiap2 hari Rabu.

Orang ramai yang berkehendakkan rawatan boleh-lah datang ka-kelinik yang berkenaan dari jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

## *PEPEREKSAAN L.C.C. BULAN MEI*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pelajaran telah mengumomkan bahawa pepereksaan London Chamber of Commerce (LCC) akan di-adakan dalam bulan Mei tahun depan di-perengkat2 permulaan, menengah dan tertinggi.

Matapelajaran2 yang boleh di-dudoki dalam pepereksaan itu termasok-lah trengkas, menaip, simpan-kira, akaun, ilmu hisab, ilmu kira2, costing dan Bahasa Inggeris untok perdagangan.

Chalon2 yang berhajat untok mendudoki pepereksaan itu boleh-lah mendapatkan borang2 pendaftaran dari Pejabat Lembaga Pepereksaan Jabatan Pelajaran di-Bandar Seri Begawan atau dari Maktab Anthony Abell di-Seria. Borang2 hendak-lah di-isi dan di-pulangkan sa-belum 30hb Nobember ini.

Sementara itu pendaftaran sedang di-buka bagi kelas2 trengkas, menaip, Sijil Rendah Pelajaran Brunei, Sijil Pelajaran Singapura perengkat biasa, darjah satu dan tingkatan satu serta kelas2 membenteras buta huruf di-Sekolah Melayu Kupang di-daerah Tutong.

Pendudok2 kampong tersebut dan sekitar-nya yang ingin mengikuti kelas2 itu hendak-lah menemui Penyelia Pelajaran Dewasa sekolah tersebut, Chegu Ismail bin Hassan. Pendaftaran hanya di-buka sa-tiap hari Jumaat dan Ahad dari pukol 2.30 hingga 5.00 petang.

Manakala Pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura Cambridge peringkat 'A' dan 'O' di-seluroh negeri telah di-mulakan Selasa, kelmarin. Sa-jumlah 521 orang chalon telah mendudoki pepereksaan peringkat 'A', dalam mana 463 orang dari jumlah itu mengambil pepereksaan mereka di-tiga buah pusat pepereksaan di-Daerah Brunei dan Muara dan lain-nya di-Daerah Belait.

Sa-jumlah 1,250 orang chalon juga mendudoki pepereksaan peringkat 'O' di-seluroh negeri. Dari jumlah itu sa-ramai 960 orang mendudoki pepereksaan di-enam buah pusat di-Daerah Brunei dan Muara dan yang lain masing2 di-sa-buah pusat di-Daerah Belait dan Tutong.

Dari muka 1

bapa yang ingin menghantar anak2 mereka untok mengikuti kelas2 demikian akan menyukong dan memberikan kerjasama kapada usaha penubohan kelas itu.

Borang2 pendaftaran bagi mengikuti kelas2 itu boleh-lah di-dapati dari YDM Pehin Datu Harimau-padang Mejor Dato Haji Husin di-Markas Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei di-Tutong Kem sa-belum kelas di-mulakan awal tahun 1979.

Bayaran2 masok bagi mengikuti kelas tadika satu ia-lah sa-banyak $40.00 dan tadika dua $45.00, sementara darjah rendah satu $50.00, rendah dua $55.00, rendah tiga $60.00 dan rendah empat $65.00.

Dari muka 1

tin Hajjah Kamaliah bte Haji Muhammad Fadhlullah Suhaimi.

Majlis khatamal Kor'an pagi itu ada-lah merupakan kali ketiga ia-nya di-adakan atas hasil usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang mana kali pertama sa-ramai 17 orang penuntut perempuan dari Maktab Perguruan Ugama dan SMU Pengiran Anak Damit telah di-adakan pada 1hb Ogos dan kali kedua pada 23hb Sept bagi 13 orang penuntut lelaki Maktab Perguruan Ugama.

Menurut perutusan dari YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, bahawa majlis serupa itu ada-lah merupakan sa-bagai satu pengesahan yang penuntut2 berkenaan telah tamat membacha Al-Kor'an hingga ketiga puloh juz.

Ini jelas-nya, Maktab Perguruan Ugama sa-lain daripada mengeluarkan guru2 ugama yang terlateh mereka juga di-lateh sa-bagai pegawai2 masjid yang berkelayakan terutama bagi penuntut lelaki sejak tahun 1977, manakala bagi penuntut perempuan pula di-lateh di-berbagai2 kegiatan ugama sa-umpama zikir dan di-lateh sa-bagai pemimpin kapada penuntut2 perempuan yang tinggal di-asrama saperti di-STPRI dan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

## Dua berkursus ka-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang Kerani dari Pejabat Pos telah bertolak ka-Singapura pada hari Khamis lalu untok mengikuti kursus ulangkaji kerani di-Pejabat Pos Singapura.

Mereka ia-lah Awang Hamid bin Tassim dan Awang Teo Sui Kim. Kursus tersebut bermula pada 13hb Nobember dan akan berakhir pada 12hb Disember. Sa-telah menamatkan kursus tersebut, mereka akan di-tempatkan sa-lama 10 hari bagi penempatan praktikal.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.